



17-22 SEPTEMBER 2018
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE
KUALA LUMPUR, MALAYSIA
www.cepsi2018kl.org



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/08/51 (HQ)

DERMASISWA TNB UNTUK PELAJAR KE IPTA

- Dermasiwa pertama seumpamanya untuk bantu pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan
- Bermula dengan tajaan untuk 1,000 penuntut lanjut pelajaran di Universiti Awam

Tenaga Nasional Berhad (TNB), yang setiap tahun menaja biasiswa dan pinjaman boleh ubah kepada pelajar cemerlang, kini menawarkan dermasiswa khusus untuk penuntut daripada keluarga berpendapatan terendah melanjutkan pelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Buat permulaan, dermasiswa yang dikenali Dermasiswa ‘My Brighter Future’ ini diberikan kepada 1,000 orang penuntut yang berjaya melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah pertama dalam bidang Science, Technology, Engineering & Mathematics (STEM).

“Sejak 1993, TNB menerusi Yayasan Tenaga Nasional (YTN), telah pun membelanjakan lebih RM1 bilion sebagai biasiswa dan pinjaman boleh ubah kepada 11,000 pelajar cemerlang,” kata Penggerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie.

Berucap di majlis Penyerahan Sijil Dermasiswa ‘My Brighter Future’ di sini hari ini beliau berkata, “Kali ini kami memberikan tajaan Dermasiswa ‘My Brighter Future’, yang pertama seumpamanya, untuk membantu pelajar daripada keluarga susah yang mendapat tempat di universiti awam.

“Diharap Dermasiswa ‘My Brighter Future’ bukan sahaja dapat meringankan beban keluarga berpendapatan terendah menampung kos anak mereka menuntut di universiti, malah kemudiannya membolehkan mereka keluar dari kepompong kemiskinan.”

S.A. 2018/08/51 (HQ)

Pada majlis tersebut, 10 penerima Dermasiswa ‘My Brighter Future’ yang baru mendaftar di Universiti Teknologi MARA (UiTM) menerima sijil tawaran dermasiswa masing-masing.

Selain UiTM, dermasiswa juga ditawarkan kepada mereka yang melanjutkan pelajaran di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM).

Moggie yang juga Pengurus YTN menjelaskan bahawa Dermasiswa ‘My Brighter Future’ ini adalah kesinambungan kepada komitmen TNB untuk memperkasa pendidikan di Malaysia dan membangunkan modal insan untuk negara.

Ia juga bagi meningkatkan modal insan untuk industri perbekalan elektrik negara yang telah dilaksanakannya menerusi YTN dan Universiti Tenaga Nasional (Uniten).

Fakta Tambahan Dermasiswa ‘My Brighter Future’

TNB, dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memilih 1,000 pelajar yang layak bagi sesi kemasukan Semester 1, 2018/2019 IPTA.

KPM telah menyelaras usaha mengenal pasti calon yang layak, termasuk membuat padanan dengan pangkalan data eKasih yang dikendalikan oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri.

Surat tawaran bersyarat Dermasiswa ‘My Brighter Future’ ini telah mula dikeluarkan kepada pelajar bersama-sama surat tawaran kemasukan ke universiti awam masing-masing sejak awal bulan ini.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 1.00 petang, 29 Ogos 2018

Sila majukan sebarang pertanyaan media kepada Norfadzilah Shaary di talian 019-3369681 / Fazreen Eksan di talian 019-316 0401 atau emel kepada media@tnb.com.my